

11 FEB 2001

Pandithan-Mandat

IPF BUAT KEPUTUSAN UNTUK TERUSKAN PERJUANGAN

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Presiden Barisan Kemajuan India seMalaysia (IPF) Datuk M.G. Pandithan berharap bahawa kepimpinan Barisan Nasional (BN) akan mempertimbangkan untuk menerima IPF ke dalam gabungan itu berikutan mandat besar yang diberikan oleh perwakilan untuk meneruskan perjuangan parti.

"Saya berharap kepimpinan BN akan mempertimbangkan kehendak para perwakilan atau lebih tetap lagi kehendak anggota," kata beliau pada akhir perhimpunan agung kesembilan IPF di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Pandithan berkata beliau akan menyerahkan perkara itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Datuk Mahathir Mohamad.

"Kami meletakkan masa depan politik kami kepada Perdana Menteri," kata beliau.

Beliau berkata 2,950 perwakilan IPF telah menyuarakan mandat kuat untuk meneruskan perjuangan parti supaya diterima masuk ke dalam BN.

Ia juga menunjukkan bahawa anggota-anggota tidak berminat untuk menyertai mana-mana parti politik lain, kata Pandithan.

"Saya akan menghantar surat kepada kepimpinan BN memaklumkan mengenai keputusan itu dan mungkin menemui perdana menteri bagi menyampaikan hasrat para perwakilan IPF.

"Bagi saya, tidak timbul untuk kembali ke MIC atau Parti Progresif Rakyat (PPP)... saya akan bersama dengan mereka (IPF)," kata beliau.

Pandithan juga berkata beliau terharu dengan sokongan besar oleh para perwakilan yang menolak tawaran oleh MIC dan PPP.

Katanya, beliau bersedia menemui presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu demi kepentingan masyarakat India bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kaum itu.

Perhimpunan sehari itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

RV CS NZ JK